

Yahudi: Nik Aziz minta umat Islam sokong Mahathir

UM 19 OCT 2003

PASIR PUTEH 18 Okt.— Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta umat Islam negara ini supaya menyokong Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kini dibidas oleh sebahagian pemimpin Barat kerana dikatakan telah mengeluarkan kenyataan anti-Yahudi.

Beliau berkata, umat Islam patut menyokong kenyataan Dr. Mahathir yang dibuat semasa merasmikan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelmarin kerana Perdana Menteri bukan mengkritik bangsa Yahudi cuma mempertikaikan perangai jahat bangsa itu.

“Saya tak fikir (Perdana Menteri) anti-Yahudi tapi anti perangai bangsa itu yang banyak melakukan perbuatan yang menyusahkan umat Islam dan ini bertepatan dengan anjuran Islam,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Dewan Undangan Negeri Selising di padang pekan Selising di sini hari ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas mengulas reaksi Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia mengenai petikan ucapan Dr. Mahathir berhubung orang Yahudi yang telah dipilih untuk ditonjolkan oleh agensi-agensi berita dalam laporan mereka kelmarin.

Dr. Mahathir berkata: “Yahudi memerintah dunia de-

ngan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka.”

Menurut Nik Abdul Aziz, perangai bangsa Yahudi perlu dikritik kerana mereka sukar menunaikan sebarang janji yang telah dibuat dengan umat Islam.

Beliau berkata, pada zaman Nabi Muhamad sendiri bangsa Yahudi telah merancang membunuh baginda dan sekarang mereka menjadi punca kepada pelbagai masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat dunia khususnya umat Islam.

“Kesemuanya berpunca daripada angkara bangsa ini termasuk mengamalkan riba di bank dan mana-mana pihak yang mengikut perangai Yahudi perlu ditentang oleh umat Islam,” tegasnya.

Sementara itu, Nik Abdul Aziz berkata, negara-negara Islam terutama negara Arab harus melaksanakan segera ketetapan Sidang Kemuncak OIC semalam supaya memboikot barangan buatan Israel dan mewujudkan sebuah negara Palestin.

“Memboikot barangan merupakan jalan paling mudah dan bijak kerana cara ini tidak memerlukan korban nyawa manusia.

“Ini kerana kita tidak mungkin dapat melawan mereka dengan senjata kerana kekuatan mereka lebih hebat di samping mempunyai pelbagai peralatan canggih,” tegasnya.